

**MAJLIS PELANCARAN MINGGU KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT
AGAMA SEDUNIA PERINGKAT SEKOLAH
21/02/2012**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Keharmonian.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi puji dan syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia serta izinNya dapat saya bersama-sama dalam majlis yang amat bermakna ini. Saya merasa amat berbesar hati dan merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program ini. Saya berpandangan program seperti ini merupakan aktiviti penting supaya erti keharmonian dan keamanan dapat dihayati dan difahami dengan lebih mendalam terutamanya generasi muda ketika ini.

2. Cetusan idea Yang Mulia Raja Abdullah Ke-2 dari Jordan untuk mengadakan Minggu Keharmonian Antara Agama Sedunia adalah merupakan satu usaha ke arah keamanan sejagat. Cadangan ini telah mendapat sokongan dan pengiktirafan pelbagai pihak, sehingga Minggu pertama setiap bulan Februari telah diisytiharkan sebagai Minggu Keharmonian Antara Agama Sedunia di Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu pada 20 Oktober 2010. Cadangan yang dibentangkan oleh Yang Mulia Raja Mahkota Ghazi b. Muhammad sebagai wakil dan penasihat khas kepada Yang Mulia Raja Abdullah Ke-2 tersebut, bukan sahaja diterima dan disokong oleh penganut Islam dan Kristian yang merupakan 55% penduduk dunia, tetapi semua penganut agama lain di seluruh dunia.

3. Berikutan dari itu, negara-negara di seluruh dunia telah diminta untuk menyambut dan mengisi Minggu Keharmonian ini dengan pelbagai aktiviti bersesuaian yang bertujuan untuk mempromosi persefahaman antara agama. Walaupun ianya baru diperkenalkan, penyertaan dan sambutan yang diadakan dalam Minggu Keharmonian Antara Agama pada Februari tahun 2011 telah menunjukkan kejayaan yang amat membanggakan.

4. Pada tahun ini, tema Minggu Keharmonian Antara Agama Sedunia adalah HARMONIZE iaitu satu kata kerja bagi mewujudkan suasana harmoni, aman dan sejahtera. Di Malaysia, tafsiran yang paling hampir dan popular adalah menggalakkan MUHIBAH dalam kalangan penganut pelbagai agama. Secara umumnya, MUHIBAH menyentuh maksud asal resolusi PBB iaitu CINTAI TUHAN dan CINTAI JIRAN atau dengan erti lain CINTAI KEBAIKAN dan CINTAI JIRAN. Berlatar belakangkan agama dan kepercayaan, MENCINTAI TUHAN bermakna memahami sifat-sifatNya Yang Maha kuasa, Maha Adil, Maha Bijaksana, Maha Pengampun dan Maha Pemurah. Manakala, MENCINTAI JIRAN pula boleh membawa kepada proses hormat menghormati, sayang menyayangi sesama sendiri tanpa mengira suku kaum atau etnik dan dapat bersama-sama menikmati kehidupan yang aman, damai dan sejahtera di bumi Malaysia yang tercinta ini.

Tuan / Puan / Murid-murid yang dikasihi sekalian,

5. Pengertian yang lebih luas dalam hal ini menuntut kita berkasih sayang dan mencintai apa yang kita miliki ketika ini. Keharmonian dan kesejahteraan yang telah terjalin sekian lama, hasil usaha pemimpin terdahulu hendaklah dihormati dan dijunjung tinggi. Semua pihak tidak kira di mana kita berada perlu memastikan keharmonian yang ada ketika ini terus dipupuk, disemai dan dijagai sebaik mungkin supaya ianya terus subur. Ini tanggungjawab kita, tanggung semua pihak agar keharmonian dan kesejahteraan yang telah wujud ini terus berkembang, malah bersama-sama memastikan tiada mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan mencemar atau merosakkannya.

6. Di dalam sejarah ketamadunan manusia, kebiadaban terhadap Tuhan dan Jiran telah mencetuskan pergolakan dan peperangan di antara penganut-penganut agama samada secara inter atau intra, mikro atau makro. Lihatlah apa yang telah dialami oleh negara-negara Timur Tengah, Afrika, Russia malah negara-negara jiran tetangga kita juga. Oleh itu, kita seharusnya bermuhasabah dan berikhtiar mencegah peristiwa buruk dan ngeri agar tidak berlaku di negara kita yang tercinta ini.

7. Mengikut saranan Prof. Dr. Kamar Oniah dari UIAM di dalam bukunya Religion and Pluralistic Co-Existence - the Muhibah Perspective, telah menggariskan lima (5) prinsip utama untuk memastikan keharmonian antara agama dan kaum dapat dikekalkan. Ini termasuklah :-

- a) Tidak mengganggu dan campur tangan di dalam hal-hal dalaman agama orang dan kaum lain.
- b) Mengakui, memahami dan menghormati kelainan atau perbezaan dan rasa sensitif agama dan kaum lain.
- c) Amalkan rasa simpati dan empati iaitu berbuat baik kepada orang dan melayan orang seperti yang mereka mahu dilayani.
- d) Kerjasama secara kemasyarakatan iaitu dengan menjana dan bertindak berasaskan etika yang selari dan sama demi kebaikan dan manfaat semua.
- e) Bersatu di dalam kepelbagaian untuk cintai negara melalui pemupukan semangat taat setia dan rasa patriotik yang tinggi.

8. Prinsip-prinsip di atas hendaklah sentiasa diamalkan penuh sedar dan ikhlas berdasarkan pengalaman buruk yang dirakamkan sejarah ketamadunan manusia dan negara seperti yang disebutkan tadi. Bak kata pepatah mencegah adalah lebih baik daripada merawat. Usahlah membangkitkan perkara-perkara yang boleh menyebabkan pertelagahan sesama kita, malah persefahaman yang telah terjalin selama ini perlu terus disuburkan terutama dalam kalangan generasi masa kini, agar kemakmuran, kestabilan dan kesejahteraan yang dinikmati akan dapat terus dirasai pada masa akan datang.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

9. Pengalaman lalu sudah pasti mengajar kita supaya kita lebih berwaspada dan beretika dalam segala tindak tanduk yang dilakukan. Bak kata pepatah, cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar. Oleh itu, Minggu Keharmonian Antara Agama yang diadakan ini, bukan sekadar kosmetik semata-mata, tetapi ia merupakan satu tanggungjawab dan komitmen semua pihak termasuk murid-murid di seluruh negara. Minggu ini juga seharusnya menjadi sebagai satu kuasa (force) yang mampu mendorong kita terus bersatu padu agar keharmonian dan kesejahteraan terus berkembang dengan subur.

10. Sebagai negara yang memiliki keunikan dan kepelbagaian agama dan bangsa, adalah wajar jika Minggu Keharmonian Antara Agama Sedunia ini dapat disusun dengan sebaik mungkin melalui berbagai acara yang bersesuaian. Justeru, saya percaya Jabatan Perpaduan dan Integriti National atau JPNIN pastinya telah mempunyai agenda yang tersendiri dalam memastikan Minggu Keharmonian ini dapat diisi dengan program atau aktiviti tertentu. Kita ada sambutan Maulidurrasul, Cap Goh Meh atau Thaipusam. Kalau mampu berdialog, berhujah dan bermuzakarah secara rasional dan intelektual, maka ambillah peluang dan kesempatan yang ada untuk sama-sama memahami antara satu sama lain.

11. Saya berharap dengan adanya sambutan kali ini, ruang dan peluang akan terus terbuka luas bersama-sama mendalami dan memahami peri pentingnya keamanan dan kedamaian di antara penganut Agama yang perlu dijaga dan dibelai secara istiqamah dan kekal sepanjang zaman.

12. Akhir kata marilah kita cari titik persafahaman yang memangkinkan keharmonian dan hindarkan titik-titik percanggahan yang menimbulkan ketegangan, prasangka dan permusuhan. Mari kita laksanakan Muhibah tanpa terpaksa menggadaikan atau menghakis sedikitpun kepercayaan dan agama yang kita anuti selama ini. Saya juga sentiasa mendoakan Sambutan Minggu Keharmonian Antara Agama Sedunia di mana-mana sahaja di Malaysia akan membuahkan kejayaan yang diharapkan.

13. Maka, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini Melancarkan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia 2012 Peringkat Sekolah.

Sekian, Terima Kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.